

# **BAB**

# **PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Masalah Kajian

Pengajian hukum memainkan peranan penting dalam pembentukan dan pembangunan rohani dan jasmani sesebuah masyarakat. Melalui pengajian hukum Islam, sesebuah masyarakat dapat dibentuk dengan disemaikan nilai-nilai keimanan dan kepatuhan kepada ajaran dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dan seterusnya perlaksanaannya dalam kehidupan seharian. Di samping itu, ianya juga berperanan penting dalam memupuk semangat persaudaraan Islam dan mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan masyarakat.

Apabila Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, baginda telah mempersaudarakan suku Aws dan Khazraj sehingga membentuk golongan Ansar. Golongan Ansar ini pula telah dipersaudarakan dengan golongan Muhajirin. Ini dilakukan pada permulaannya dengan menanamkan iman ke dalam jiwa umat Islam. Kemudiannya semangat persaudaraan tersebut disuburkan dan dibajai dengan pengetahuan tentang hukum-hukum Islam dan tanggungjawab melaksanakannya secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan. Dengan terbentuknya persaudaraan ini telah mewujudkan satu kesatuan masyarakat yang erat dan bertanggungjawab terhadap Islam.<sup>1</sup>

Masyarakat Islam dibentuk berdasarkan sumber dan asas-asas tertentu. Sumber pembentukan masyarakat Islam yang pertama ialah al-Quran sebagaimana

<sup>1</sup> Jayaudin Jamaudin (1993), *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: ELMAN Sdn Bhd, h. 220.

yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.<sup>2</sup> dan sumber keduanya ialah al-Sunnah.<sup>3</sup> Manakala asas pembentukan masyarakat Islam ialah akidah yang benar, syariah yang mantap dan akhlak yang baik.<sup>4</sup> Antara kesan persaudaraan di zaman Rasulullah ialah wujudnya kesatuan umat Islam di kalangan kaum Muhajirin dan Ansar, dapat melemahkan semangat musuh Islam Yahudi, dapat memperkembangkan dan menyebarkan ajaran Islam dengan lebih berkesan dan wujudnya perasaan kasih-sayang, kekeluargaan dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Sejarah pengajian hukum Islam di Tanah Melayu bermula apabila tersebarnya agama Islam di rantau ini. Sejak penerimaan Islam oleh Parameswara pada tahun 1414 Masihi, kegiatan agama dan pengajian hukum diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh ulama-ulama dan mubaligh-mubaligh.<sup>5</sup> Kecintaan terhadap agama dan inginkan ilmu pengetahuan serta memahami hukum Islam jelas mempengaruhi jiwa raja-raja Melaka, khususnya sejak zaman permulaan lagi.<sup>6</sup> Oleh kerana antara raja Melaka itu terdiri daripada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan Islam, mereka bukan sahaja menghayati Islam menerusi kegiatan ibadah bahkan menghayati dan melaksanakannya menerusi perundungan dan hukum-hukum pentadbiran negeri.<sup>7</sup> Kerajaan Melayu Melaka telah menjadikan hukum-hukum Islam sebagai asas perundungan negara.<sup>8</sup>

<sup>2</sup> Prof. Madya, Dr. Abdul Halim Muhammad (1984), "Pendekatan al-Quran Dalam Menyelesaikan Masalah Masyarakat Islam di Malaysia". *Jurnal Dakwah*, Jld. 11, h. 30.

<sup>3</sup> Sayid Qutb (1977), *Masyarakat Islam*. H.A Mu'thi S.H (terj.), Bandung: Yayasan al-Taufik PT al-Ma'rif, h. 38.

<sup>4</sup> Abu al-'la al-Mawdudi (1973), *Mabadi' al-Islami*. Lahore: (t.p), h. 23.

<sup>5</sup> Dr. Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara Khususnya Di Tanah Melayu*. Petaling Jaya: Ar-Rahmaniah, h.165.

<sup>6</sup> Haji Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. K.L: D.B.P, h. 127.

<sup>7</sup> Dr. Haji Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h.165.

<sup>8</sup> *Ibid*, h. 147.

Seluruh masyarakat yang terdiri dari golongan raja-raja, pembesar serta rakyat jelata dide dahkan dengan ilmu pengetahuan dan hukum Islam. Dari kegiatan dakwah dan pendidikan Islam itulah mereka berjaya merubah sikap dan konsepsi masyarakat terhadap pegangan agama, kebudayaan dan ilmu pengetahuan. Bagi mengembangkan ilmu pengetahuan, rumah-rumah, masjid, surau serta istana-istana dijadikan sebagai institusi pendidikan.<sup>9</sup>

Para ulama telah memberikan sumbangan yang besar dalam memperkembangkan pengajian hukum Islam di Tanah Melayu. Mereka berusaha menyedarkan masyarakat setempat tentang kepentingan pengajian hukum dalam membentuk sebuah masyarakat yang bertakwa dan bertanggungjawab terhadap agama, keluarga, masyarakat dan negara. Di dalam sistem masyarakat Islam setiap individu dan kelompok mestilah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan serta pembangunan ummah di sesebuah kawasan. Persaudaraan Islam amat penting bagi melahirkan ikatan yang kukuh dan kuat dalam pembentukan masyarakat Islam.

---

<sup>9</sup> *Ibid.*, h.165.

## **Rumusan Masalah Kajian**

Kajian ini akan difokuskan kepada persoalan berikut:

1. Apakah institusi tidak formal pengajian hukum peringkat awal di mukim Jabi dan bagaimanakah bentuk dan kaedah pengajiannya ?
2. Siapakah tokoh-tokoh dalam pengajian hukum di mukim Jabi dan apakah sumber rujukannya ?
3. Bagaimanakah konsep persaudaraan dalam Islam ?
4. Bagaimanakah pengajian hukum dapat memberi kesan terhadap hubungan masyarakat setempat ?

## **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa tujuan berikut:

1. Mengkaji latar belakang sejarah perkembangan pengajian hukum di mukim Jabi.
2. Mengetahui bentuk dan kaedah pengajian hukum yang diamalkan, ketokohan dan peranan ulama setempat dalam memperkembangkan pengajian hukum.
3. Mengetahui sejauh manakah kesan pengajian hukum terhadap pergaulan masyarakat.
4. Mengkaji semangat persaudaraan yang dapat dihasilkan daripada pengajian hukum di masjid dan surau dan bagaimanakah penerapan semangat itu dilaksanakan dalam kehidupan seharian.
5. Meninjau sambutan masyarakat setempat terhadap aktiviti dan kegiatan pengajian hukum yang diadakan di masjid dan surau.

## **Skop Kajian**

Bagi memudahkan pengkajian mengenai kesan pengajian hukum terhadap hubungan kemasyarakatan di mukim Jabi, maka perkara-perkara yang diambil kira ialah kesannya terhadap hubungan kekeluargaan, kejiranan, persahabatan, hubungan dengan warga tua dan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Penulis juga telah membahagikan kajian kepada tiga bahagian iaitu, Pertama; penumpuan kepada kuliah-kuliah pengajian hukum di masjid atau surau sama ada kuliah Subuh, kuliah Maghrib dan kuliah Jumaat. Adapun pengajian hukum ialah pengajian yang berkaitan dengan perkara ibadah seperti bersuci, solat, puasa, zakat dan haji, perkara muamalat seperti jual-beli, hutang-piutang, pajak-gadai dan kesalahan jenayah yang merangkumi hukum *hudud*, *qisas* dan *ta'zir* seperti hukum mencuri, merompak, berzina, minum arak, berjudi dan sebagainya.

Bahagian kedua ialah berkenaan dengan pengajian hukum Islam secara tidak formal di Mukim Jabi. Yang dimaksudkan dengan pengajian tidak formal ialah pengajian yang diadakan di masjid-masjid dan surau-surau sahaja. Oleh itu, ianya tidak melibatkan pengajian di pondok dan sekolah sama ada sekolah rendah atau menengah agama rakyat mahupun sekolah menengah kementerian.

Manakala bahagian ketiga pula ditumpukan kepada kesan pengajian hukum terhadap hubungan kekeluargaan, kejiranan, persahabatan, hubungan dengan warga tua dan kerjasama di kalangan masyarakat setempat di Mukim Jabi. Sejauh manakah kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab antara satu sama lain hasil daripada pengetahuan tentang pengajian hukum dan bagaimana ianya dilaksanakan dalam kehidupan seharian

## **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan hubungan persaudaraan yang erat yang berlandaskan Islam demi melahirkan masyarakat yang harmoni dan bertanggungjawab. Untuk melahirkan satu hubungan persaudaraan tersebut, perlu kepada penghayatan ajaran Islam yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan melalui perlaksanaan hak Allah s.w.t, hak keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Kerjasama dalam kerja kebajikan merupakan asas perpaduan masyarakat dan dapat menjamin kerukunan hidup dan mendokong nilai-nilai moral yang tinggi dalam kehidupan bermasyarakat.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui konsep persaudaraan yang sebenar dibina dalam Islam dan memahami sifat-sifat yang membawa kepada perpaduan masyarakat. Kepentingan hubungan persaudaraan ini dapat dilihat dalam sejarah awal Islam di mana antara perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sebaik sahaja baginda berhijrah ke Madinah ialah mempersaudarkan di antara dua qabilah Arab yang bermusuhan iaitu Aws dan Khazraj.

Di samping itu, kajian ini diharap dapat memberi kesedaran khususnya masyarakat Malaysia terhadap kepentingan pengajian hukum kerana ianya merupakan dasar pengetahuan hukum-hukum Islam. Ia juga dapat membentuk jiwa masyarakat yang bertanggungjawab terhadap hak dan amanah yang diberikan. Apabila jiwa mereka bersih, maka corak pergaulan dan kehidupan akan bertukar ke arah suasana ketakwaan dan kesejahteraan.

## **Metodologi Penulisan**

### **1. Metod Pengumpulan Data.**

Secara asasnya terdapat empat kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan iaitu temubual, soalselidik, observasi dan eksperimental.<sup>10</sup>

Dalam usaha pengumpulan data penulis menggunakan metod soalselidik dan metod wawancara.

#### **1.1 Metod Soal Selidik**

Soal selidik berbentuk satu senarai soalan yang bertulis. Soalan-soalan itu disediakan oleh penulis yang merangkumi maklumat-maklumat yang diperlukan.<sup>11</sup> Dalam penulisan ini, penulis menjadikan metod soalselidik sebagai metod utama pengumpulan data dalam mengkaji kesan pengajian hukum terhadap hubungan kemasyarakatan di mukim Jabi. Untuk itu penulis telah menyiapkan satu borang soalselidik untuk diedarkan kepada 250 orang responden yang dipilih secara rawak. Borang-borang tersebut diedarkan oleh penulis sendiri atau melalui kawan-kawan kepada responden. Manakala lokasi pengedaran ialah di rumah-rumah, masjid dan surau iaitu dalam majlis-majlis ilmu seperti kuliah Maghrib, kuliah mingguan dan kelas-kelas pengajian al-Quran. Soalan-soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik bertujuan untuk mengetahui pemahaman masyarakat terhadap pengajian hukum, peranan masjid, hak-hak kekeluargaan, hak

<sup>10</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 53

<sup>11</sup> Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah (1993), *Panduan Menulis Tesis*. K.L: D.B.P, h. 31.

kejiraninan, hak masyarakat dan kesannya terhadap hubungan masyarakat dalam pergaulan seharian, semangat kejiraninan dan semangat kerjasama.

Borang tersebut mempunyai sejumlah soalan yang disusun berdasarkan tiga bahagian. Bahagian pertama, mengenai latarbelakang responden yang merangkumi jantina, peringkat umur, latarbelakang pendidikan, taraf perkahwinan, pekerjaan dan pendapatan.

Bahagian kedua, berkaitan dengan penglibatan responden dalam aktiviti-aktiviti ceramah agama di masjid dan surau, pemahaman terhadap pengajian agama dan pendapat mereka tentang peranan dan fungsi masjid.

Manakala bahagian ketiga ialah mengenai pemahaman responden mengenai tanggungjawab terhadap keluarga, jiran tetangga, sahabat handai, warga tua, masyarakat dan penglibatan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu peranan serta sumbangan mereka dalam melahirkan sebuah masyarakat yang sejahtera.

## 1.2. Metod Wawancara

Penulis menggunakan metod wawancara atau temubual untuk mendapatkan keterangan atau maklumat secara lisan daripada beberapa orang responden dengan bercakap secara berhadapan muka. Metod ini merupakan pembantu utama kepada metod observasi.<sup>12</sup>

---

<sup>12</sup> Koentjaraningrat (1983), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia, h. 162.

## 2. Metod Analisis Data

Sementara dalam usaha menganalisis data yang diperolehi, penulis menggunakan metod-metod berikut:

### 2.1. Metod Induktif

Metod Induktif ialah satu cara untuk menganalisis data yang diperolehi melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.<sup>13</sup>

Metod ini digunakan untuk bab 2 dan 3.

### 2.2. Metod Deduktif

Metod Deduktif ialah cara menganalisis data serta melakukan penulisan berdasarkan kepada pola pemikiran yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat umum terhadap hal-hal yang khusus.<sup>14</sup> Metod ini digunakan untuk analisis data soal selidik.

### **Uji Rintis**

Penulis telah melakukan uji rintis terhadap borang soal selidik dengan mengedarkan sejumlah 25 borang soal selidik terlebih dahulu kepada penduduk tempatan. Data dan uji rintis dilampirkan.

---

<sup>13</sup> Iman Barnadib (1982), *op.cit.*, h. 51.

<sup>14</sup> Abdul Halim Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 134.

## Kajian-Kajian Lepas

Penulis tidak mendapati kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang pengajian hukum khususnya di Negeri Terengganu. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada sejarah pendidikan Islam di Malaysia secara umum dan perbahasan mengenai hukum-hukum amali seperti hukum ibadat dan muamalah. Namun begitu terdapat juga beberapa buah buku, tesis dan latihan ilmiah yang dapat membantu penulis dalam melakukan kajian ini. Antaranya ialah:

1. Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam buku tersebut penulis membincangkan mengenai institusi pendidikan Islam tidak formal. Pada masa silam, pengajian agama terawal diadakan di rumah-rumah ulama. Justeru itu, ulama-ulama disanjung dan dihormati oleh masyarakat. Pengajian al-Quran merupakan asas pendidikan Islam. Pada peringkat awal, murid-murid diajar menyebut huruf-huruf Arab yang dikenali dengan *Alif, Ba, Ta*. Di samping itu, ilmu-ilmu lain juga dipelajari seperti ilmu tauhid, fiqh dan ilmu hikayat. Apabila bilangan penuntut bertambah, masyarakat telah mengambil daya usaha dengan mendirikan surau dan masjid untuk dijadikan sebagai tempat pendidikan tidak formal. Pada kebiasaannya di surau dan masjid diadakan kelas-kelas fardu ain, pelajaran tafsir, tasawwuf, ceramah agama dan kelas-kelas al-Quran. Peningkatan pembelajaran ini berkait rapat dengan situasi masyarakat setempat dan perubahan masa. Penyebaran Islam yang semakin luas menjadi faktor pertambahan institusi pendidikan tidak formal.

Kajian berkenaan juga membicarakan tentang suasana hidup kemasyarakatan. Antaranya ialah gotong-royong yang merupakan amalan tradisi masyarakat Melayu turun temurun. Ianya adalah cetusan rasa senasib dalam kehidupan bermasyarakat di desa-desa. Ianya juga adalah sumbangan ikhlas sama ada berupa tenaga, fikiran dan kebendaan bagi menjayakan projek-projek untuk kepentingan umum dan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat. Antara khidmat masyarakat yang bercorak kepentingan umum seperti bergotong royong membina surau, wakaf, membersihkan kawasan masjid, kawasan tanah perkuburan, menggali perigi di tempat persinggahan, membuat keranda, menggali kubur, membuat jambatan kayu dan lain-lain lagi. Begitu juga ziarah menziarahi antara satu sama lain ketika sakit atau berlaku kematian yang menjadi amalan masyarakat Melayu dan sangat dituntut oleh Islam.

2. Dr. Haji Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Buku ini membicarakan tentang institusi-institusi pendidikan Islam di zaman Rasulullah s.a.w, para Sahabat dan tabiin yang berpusat di rumah-rumah, masjid, *suffah*, *kuttab* dan madrasah. Sejarah perkembangan pelajaran dan pendidikan pada zaman awal boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah sebelum wujudnya sistem persekolahan iaitu pendidikan di rumah atau kediaman ulama, masjid dan *suffah*. Pada zaman awal Islam, ilmu pengetahuan disampaikan oleh Rasulullah di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam. Situasi ini berkekalan sehingga baginda berpindah ke Madinah, yang mana masjid telah dijadikan sebagai pusat pendidikan selain fungsinya sebagai tempat ibadat. Selain itu fungsinya ialah sebagai pusat pentadbiran, politik dan kemasyarakatan.

*Suffah* ialah tempat belajar yang bersambung dengan masjid manakala *kuttab* ialah tempat belajar yang berasingan. Mata pelajaran yang diperkenalkan ialah pelajaran al-Quran dan penulisan. Institusi-institusi berkenaan sangat berkembang di seluruh wilayah Islam terutama abad kedua Hijrah. Manakala peringkat kedua ialah institusi madrasah atau sekolah yang mempunyai struktur pendidikan yang moden dan tersusun. Institusi ini biasanya membekalkan ilmu pengetahuan dalam peringkat menengah dan tinggi. Sejarah penubuhannya dikatakan berlaku pada akhir abad keempat Hijrah yang diusahakan oleh penduduk Naisabur. Madrasah yang terulung itu dikenali dengan nama Madrasah al-Baihaqiah.

Turut dibicarakan ialah tentang kurikulum pelajaran pendidikan Islam yang merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak. Ianya merupakan satu struktur kurikulum yang *quddus* dan bersifat *rabbani*. Kurikulum bersepada menurut pandangan Islam ialah tiap-tiap jenis ilmu pengetahuan sama ada yang bersifat teoritis mahupun praktis dan berunsur keduniaan dan keakhiran. Dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, Rasulullah s.a.w didedahkan dengan berbagai jenis metod secara tidak langsung ketika menerima wahyu melalui Malaikat Jibril. Antara kaedah-kaedah yang dapat dikesan ialah kaedah syaranan (*kuliahan*), hafazan, perbincangan (*muhadathah*), dialog atau soaljawab, debat (*mujadalah*), pandang dengar, pengembaraan (*rihlah*) dan *halaqah*. Kaedah-kaedah tersebut menjadi ikutan para Sahabat, tabiin dan ulama-ulama silam dan telahpun dilaksanakan di institusi pengajian pondok di Tanah Melayu.

3. Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya: Ar-Rahmaniah. Buku ini membincangkan mengenai pengaruh Islam dalam perundangan di Melaka. Pengaruhnya dapat dilihat dalam undang-undang yang dilaksanakan di Melaka. Ianya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama ialah Hukum Kanun Melaka yang mengandungi undang-undang jenayah, muamalah, keluarga, keterangan dan acara, syarat-syarat menjadi raja serta tanggungjawab mereka dan pembesar-pembesar negeri terhadap pemerintahan. Keduanya ialah Undang-Undang Laut Melaka yang mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan. Menurut William R.Roff dan Alfred P.Rudin bahawa Hukum Kanun Melaka pada dasarnya adalah berasaskan undang-undang Islam di samping berpegang kepada hukum akal dan hukum adat.

Hukum-hukum jenayah yang termaktub dalam undang-undang Melaka dibahagikan kepada empat bahagian iaitu hukum *qisas*, *hudud*, *ta'zir* dan *diyah*. Hukum *qisas* ialah berkaitan dengan jenayah pembunuhan. Hukum *hudud* berhubung dengan kesalahan zina, *qadzaf*, mencuri, murtad, minum arak dan meninggalkan solat. Hukuman *diyah* dikenakan dalam perkara kesalahan membunuh dengan sengaja (pembunuhan dimaafkan oleh waris si mati), pembunuhan tidak sengaja, kerosakan harta benda dan binatang. Manakala hukuman *ta'zir* dikenakan terhadap kesalahan yang digugurkan hukuman *hudud* termasuk kesalahan mencuri, bercumbu-cumbuan, menuduh hamba berzina dan kesalahan melakukan fitnah.

Undang-undang muamalah yang terdapat dalam peruntukan Kanun Melaka ialah perkara-perkara yang berhubung dengan jual beli, riba dan pinjam meminjam.

Undang-undang keluarga pula memperuntukkan perkara-perkara yang berhubung dengan perkahwinan, perceraian dan perkara-perkara yang berhubung dengan wali, akad, *khiyar* dan talak. Undang-undang keterangan dan acara pula membicarakan mengenai *sulh* menurut harta, penjamin, kesaksian, sumpah, iqrar dan adab-adab qadi.

4. Ismail Hamid (1991), *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam buku tersebut, penulis membicarakan tentang perkembangan sistem pendidikan yang bermula di kalangan rakyat biasa dan golongan bangsawan. Sistem pendidikan yang bercorak keagamaan ini khusus untuk mempelajari al-Quran. Bermula dengan pendidikan di istana yang dikhususkan untuk anak-anak raja dan golongan bangsawan bagi mempersiapkan diri mereka menjadi pemerintah. Istana Melaka menjadi tempat perbincangan ilmu agama dan pusat pengajian bagi putera-putera raja dari segenap jajahan takluknya. Pendidikan tidak formal pula bermula di rumah. Manakala institusi masjid dan surau adalah institusi pendidikan yang terpenting yang bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. Pada waktu siang hari, ia merupakan pusat pengajian bagi kanak-kanak untuk mempelajari bacaan al-Quran dan mendalami ilmu fardu ain. Di sebelah malam, ianya menjadi pusat pengajian bagi orang dewasa. Manakala institusi pendidikan madrasah dan pondok pula adalah lanjutan perkembangan daripada kedua-duanya. Sistem pengajian ini yang lebih menekankan penghafazan hukum fiqh, nahu, al-Quran dan hadis banyak terdapat di utara Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Patani.

Perkara lain yang dibincangkan dalam buku ini ialah mengenai undang-undang Melayu Lama. Undang-undang tersebut banyak dipengaruhi oleh undang-undang Islam seperti dalam kesalahan jenayah membunuh, mencuri, merompak, berzina dan sebagainya. Hukuman yang dilaksanakan adalah berdasarkan hukuman yang termaktub dalam al-Quran dan hadis seperti hukuman sebat seratus rotan bagi penzina yang belum berkahwin dan rejam sampai mati bagi yang telah berkahwin. Antara undang-undang Melayu Lama ialah Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Laut, Undang-Undang Pahang, Undang-Undang Kedah dan Undang-Undang Johor.

5. Haji Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis telah membicarakan mengenai institusi pengajian pondok dan sistem pembelajarannya. Institusi tersebut merupakan kesinambungan daripada pengajian Islam yang berpusat di rumah, masjid dan surau. Dari bukti sejarah menunjukkan bahawa institusi tersebut bermula di Pasai. Sepanjang pemerintahan kerajaan Melayu Melaka, terdapat berbagai-bagai institusi pengajian yang berbentuk tradisional, berpusat di rumah-rumah, istana, masjid dan surau. Selepas kejatuhan Melaka, Patani merupakan negeri pertama selepas Aceh yang berjaya memberi nafas baru kepada perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam di Tanah Melayu melalui kemunculan institusi pondok. Calon pelajar tidak dihadkan umurnya. Manakala guru pondok di Tanah Melayu dalam kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 terdiri daripada bekas-bekas pelajar pondok dari Patani, Mekah dan Mesir.

Kurikulum pengajiannya merangkumi pengajian al-Quran di samping mata pelajaran yang lain. Pengajian pondok dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama terdiri daripada pelajar-pelajar baru. Mereka belajar menulis, membaca di samping membaca al-Quran dan mempelajari asas-asas agama dengan menggunakan kitab-kitab Jawi yang rendah dan mudah. Peringkat pertengahan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang telahpun mempunyai asas pengetahuan agama Islam. Mereka menggunakan kitab-kitab Jawi yang lebih tinggi sedikit dalam semua bidang. Manakala peringkat tinggi terdiri daripada pelajar-pelajar yang lebih berkemampuan untuk mengikuti kursus dalam peringkat permulaan dan pertengahan. Antara kaedah pengajaran dan pembelajarannya ialah kaedah syarahan (*kuliah*), kaedah hafazan, kaedah soaljawab dan kaedah *halaqah*.

Antara peranan dan kesan pengajian pondok di Tanah Melayu ialah memperkenalkan tulisan Jawi bukan sahaja bagi memudahkan pembacaan al-Quran dan kitab-kitab agama, bahkan dapat mengembangkan dan memperkayakan bahasa Melayu melalui *semantik* dan *fonetik* yang sejarah dengan bahasa Arab yang diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu. Antara peranannya juga ialah melahirkan ulama, pentadbir, ahli kemasyarakatan serta politik Islam. Ianya juga bertanggungjawab memperkembangkan aliran mazhab Syafie di Tanah Melayu.

6. Azhar bin Haji Omar (2002), *Perpaduan Umat Islam: Suatu Kajian di Rantau Panjang, Kelantan*. Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam UM. Tesis tersebut membincangkan mengenai asas-asas perpaduan masyarakat. Antara asas-asas tersebut ialah; Pertama, Iman sebagai asas perpaduan. Islam menjadikan ikatan iman sebagai dasar paling kuat yang dapat mengikat masyarakat dalam

kcharmonian. Sungguhpun begitu, Islam juga mendorong bentuk-bentuk ikatan lain seperti kekeluargaan selagi tidak bertentangan dengan prinsip agama. Perpaduan yang terjalin dalam masyarakat akan lebih mantap apabila kesejagatan iman dijadikan ukuran. Dalam al-Quran, Allah berfirman dalam surah al-Hujurat, ayat 10 yang bermaksud “*Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara. Maka damaikanlah di antara saudaramu*”. Manakala dalam satu hadis Rasulullah s.a.w menghubungkan nilai kasih sayang sesama muslim dengan nilai keimanan yang dimiliki sebagaimana sabdanya yang bermaksud “*Sesungguhnya tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih terhadap dirinya sendiri*”.

Asas kedua ialah iman yang sempurna. Keimanan yang hakiki ialah cinta kepada Allah s.w.t, Rasulullah s.a.w dan syariat-syariat Islam. Keimanan yang sempurna merupakan roh yang akan membentuk manusia dengan sifat-sifat terpuji seterusnya melahirkan akhlak yang mulia. Asas ketiga ialah semangat ukhuwwah yang kuat. Menurut al-Ghazali, terdapat beberapa prinsip persaudaraan Islam yang unggul dan sesuai dengan fitrah semulajadi manusia iaitu perdamaian, kasih sayang dan persamaan. Asas yang seterusnya ialah persamaan dan keselarasan iaitu bertindak mengikut lunas-lunas Islam. Prinsip ini perlu diamalkan oleh masyarakat bagi menghindarkan ketegangan dan permusuhan. Manakala asas terakhir ialah penerimaan Islam secara menyeluruh tanpa pengecualian dalam semua aspek kehidupan.

7. Mohd Pakhruddin bin Abdullah (2003), *Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbuh: Satu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya*. Sarjana

Usuluddin, Akademi Pengajian Islam UM. Tesis tersebut membicarakan tentang aspek-aspek pengajian ilmu fiqh yang terbahagi kepada dua bidang utama. Pertama ialah *fiqh 'ibadah* yang terdiri daripada solat, puasa, haji, zakat, nazar, sumpah dan lain-lain hukum bertujuan untuk mengatur hubungan antara manusia dengan Allah s.w.t dan mencari keredaanNya, atau disebut juga beribadat kepada Allah. Kedua ialah *fiqh mu'amalah* iaitu yang terdiri daripada kontrak kira bicara, keseksaan, jenayah, jaminan dan lain-lain yang bertujuan untuk mengatur hubungan sesama manusia, sama ada secara individu atau bermasyarakat bagi mewujudkan kemaslahatan dunia dan manfaat segera dalam kehidupan ini.

*Fiqh mu'amalah* pula dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti *Ahwal al-Syakhsiyah* yang berhubung dengan kekeluargaan seperti nikah, talak, hak penjagaan anak bagi yang bercerai, naflkah, pewarisan dan seumpamanya dengan bertujuan untuk menyusun hubungan suami isteri dan keluarga. Keduanya ialah *Madaniyyah* (sivil) iaitu yang berhubung dengan kira bicara seperti jual beli, sewa menyewa, gadaian, jaminan, syarikat, pinjam meminjam dan penyempurnaan tanggungan bertujuan untuk mengatur hubungan individu dengan yang lain. Ketiga ialah *fiqh Jinayah* yang berhubung dengan kesalahan jenayah dan hukuman seperti *hudud*, *qisas*, *dīyah* dan *ta'zir* bertujuan untuk menjaga keamanan dan memelihara nyawa manusia, harta, kehormatan dan hak-hak mereka. Keempat ialah Acara Sivil dan *Jinayah* iaitu berhubung dengan kehakiman, pendakwaan dan cara pembuktian dengan penyaksian, sumpah, bukti dan sebagainya bertujuan untuk menyusun acara untuk menegakkan keadilan sesama manusia.

Kelima ialah *Fiqh Siyasah* yang berhubung dengan sistem asas pemerintahan bertujuan untuk menentukan hubungan antara pemerintah dengan

rakyat. Keenam ialah Fiqh Antarabangsa iaitu yang berhubung dengan sistem asas antara negara Islam dengan negara bukan Islam semasa damai atau berperang dan hubungan rakyat bukan Islam dengan negara Islam yang bertujuan untuk menetapkan jenis perhubungan, kerjasama dan hormat menghormati antara kedua-dua negara. Ketujuh ialah Fiqh Ekonomi dan Kewangan iaitu yang berhubung dengan hak individu terhadap harta, menentukan hak dan kewajipan negara dari segi kewangan seperti *ghanimah*, *anfal*, *'usyur*, *kharaj* dan lain-lain. Manakala yang terakhir ialah berkenaan akhlak dan adab iaitu membataskan sifat-sifat liar manusia, menyuburkan suasana kebaikan dan kemuliaan, kerjasama dan bertimbang rasa sesama manusia.

8. Rodziah binti Muhammad (1993), *Sejarah Pengajian Hukum Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Umum*. Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam UM. Perbincangan dalam latihan ilmiah tersebut antaranya mengenai sejarah kelahiran ulama-ulama di Malaysia yang bermula setelah kelahiran kerajaan-kerajaan Islam seperti Pasai, Melaka, Aceh dan Patani. Turut dibincangkan juga ialah kaedah pengajian hukum Islam yang meliputi mata pelajarannya seperti tauhid, fiqh, usul fiqh, al-Quran, hadis, nahu, saraf, tasawwuf, balaghah, mantik dan tarikh Islam. Pengajian tersebut bertaraf sekolah rendah, menengah dan universiti. Manakala kitab-kitab rujukan seperti *Matan Sanusi*, *kitab Faridah (tauhid)*, *kitab 'Iqna'*, *Fath al-Muin*, *Muṣallī*, *Minhāj al-Talibīn (fiqh)*, *tafsir Nasafi*, *tafsir Jalalain (tafsir)*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan Sittah (hadis)* dan *Mughni al-Labib*, *Asymuni (nahu)*.

Kaedah pengajian yang dilakukan oleh ulama melalui tiga peringkat. Peringkat pertama ialah pengajian asas bahasa Arab yang menitik beratkan pelajaran nahu. Pelajar-pelajar diwajibkan menghafal beberapa buah kitab seperti kitab *Mutammimah*, *Matan Ajrumiah* dan kitab Sifat Dua Puluh. Pada peringkat kedua, guru-guru akan memberi huraian secara terperinci apabila pelajar-pelajar telah menguasai asas bahasa Arab dan kitab-kitab Jawi. Manakala pada peringkat ketiga, apabila pelajar-pelajar sudah mahir dan menguasai pelajaran, mereka dinasihatkan supaya melanjutkan pelajaran ke Mekah, Mesir atau India. Penulis juga membincarakan tentang tokoh-tokoh ulama yang terkenal di Tanah Melayu dalam bidang pengajian hukum Islam. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Syeikh Daud al-Patani, Tok Guru Wan Patani, Syeikh Nik Dir Patani, Tok Pulai Chondong, Tok Pulau Manis, Tuan Tabal, Tok Wan Kutan, Haji Nik Wan Daud Haji Sulaiman, Tok Solehor, Haji Omar Ismail Nuruddin al-Kelantani, Tok Kenali, Haji Wan Musa bin Wan Abdul Samad dan lain-lain lagi.

9. Muhammad Firdaus (1999), *Kesan Perubahan Hukum Sosial Terhadap Hukum Islam*. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam UM. Penulis membincangkan mengenai perubahan hukum pada zaman Sahabat sehingga zaman Imam Mujtahidin. Perubahan sosial yang berlaku dibahagikan kepada empat bahagian iaitu perubahan sosio politik, ekonomi, sosio budaya dan nilai-nilai sosial. Sosio politik ialah suatu rangkaian realiti masyarakat yang secara langsung berkenaan dengan penyelenggaraan kekuasaan negara, termasuk adanya hubungan antarabangsa, hubungan kerajaan dan rakyat, pentadbiran dan pelbagai aktiviti yang

mempengaruhi hubungan tersebut. Ia lebih melihat kepada dinamika fakta politik yang berkembang dalam masyarakat yang akhirnya mempengaruhi hukum syarak.

Antara contohnya yang kebanyakannya berlaku di zaman Saidina Umar al-Khattab ialah perlaksanaan hudud pada masa peperangan, persoalan zakat kepada golongan muallaf dan pengagihan harta rampasan perang. Dalam sosio ekonomi, hukum-hukum syariah yang mengalami perubahan kerana pengaruh fakta sosio ekonomi seperti penerokaan tanah terbiar, zakat kuda, kadar bayaran *jizyah*, pembatalan hudud pada masa krisis ekonomi dan zakat harta pertanian. Antara perubahan yang berlaku dalam sosio budaya ialah azan kedua pada waktu solat Jumaat yang berlaku di zaman Saidina Uthman, wanita musafir tanpa mahram, pembukuan al-Quran dan pembukuan hadis. Manakala perubahan yang melibatkan nilai-nilai sosial antaranya ialah masalah hukum talak tiga, hak pemilikan unta tanpa tuan dan sebagainya.

10. Siti Suriyani binti Sulaiman (2001), *Islam di Keningau: Sejarah dan Kesannya Terhadap Budaya Perkahwinan Masyarakat Bumiputera Kadazandusun*. Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam UM. Dalam disertasi tersebut penulis membicarakan mengenai institusi kekeluargaan Islam. Keluarga merupakan kelompok yang terkecil dalam masyarakat. Komuniti kecil ini adalah asas pertama daripada pembinaan masyarakat. Justeru, bagi melahirkan sebuah masyarakat yang baik, institusi keluarga itu perlu mantap. Setiap individu perlu menerima latihan asas dalam pergaulan menyesuaikan diri bergaul dengan masyarakat. Kewujudan sebuah keluarga bermula dengan perkahwinan. Hubungan suami isteri yang halal akan melahirkan generasi yang sah di sisi agama dan masyarakat. Pembentukan

sebuah keluarga menurut Islam ialah bersifat *mawaddah* dan *rahmah*. Termasuk dalam kedua-dua sifat tersebut ialah perasaan saling menyayangi, mengasihi, mencintai, memahami, tolak ansur, tolong menolong, belas simpati dan sebagainya. Walau bagaimanapun asas itu tidak cukup sekiranya tidak disokong dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Oleh kerana itu institusi keluarga menjadi medan latihan pergaulan dengan masyarakat yang lebih besar. Setiap anggota keluarga diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

11. Mohd Azam bin Jaafar (2003), *Peranan Masjid Negeri Arau, Perlis Dalam Mengubah Pemikiran Masyarakat Setempat*. Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam UM. Penulis membicarakan tentang peranan masjid di zaman Rasulullah s.a.w sebagai tempat ibadah, tempat persidangan, pusat perhubungan masyarakat, tempat pertemuan umat Islam, pusat pendidikan, tempat latihan ilmu kesenian dan pusat didikan dan latihan ketenteraan.

Kajian ini juga membicarakan tentang perubahan pemikiran, sikap dan budaya yang menjadi asas kemajuan sesuatu masyarakat. Pemikiran Islam adalah suatu yang merujuk kepada setiap hasil pemikiran umat Islam yang mencakupi pengetahuan yang berhubung dengan Allah, hubungan dengan alam dan hubungan sesama manusia. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran manusia ialah al-Quran. Al-Quran mengarahkan manusia menggunakan akal fikiran dan dalam masa yang sama ianya menjadi pencetus kepada manusia untuk berfikir mencari kebenaran yang hakiki. Antara faktor lain ialah pendidikan, alam persekitaran, keturunan, dan keadaan sosio budaya. Thomas Kuhn berpendapat bahawa keadaan sosial budaya memberi kesan langsung ke arah pembangunan sains dan kaedah

berfikir seseorang. Toffler pula berpendapat bahawa berlaku perubahan kepada budaya masyarakat disebabkan berlakunya perubahan kepada persekitaran di mana masyarakat tersebut berada. Manusia yang belum berubah pemikirannya akan menjadi kaku untuk berhadapan dengan realiti yang sebenarnya.

Kesimpulan daripada kajian-kajian yang lepas itu ialah:

1. Institusi pengajian tidak formal bermula di rumah-rumah guru, kemudian diikuti pengajian di surau dan masjid. Ia bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w yang mana baginda telah menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai pusat pengajian pertama. Selepas peristiwa Hijrah, masjid Madinah bertindak sebagai pusat pendidikan Islam yang utama selain fungsinya sebagai pusat pentadbiran, politik dan kemasyarakatan. Tradisi pengajian tersebut menjadi ikutan masyarakat Islam termasuk di Tanah Melayu.
2. Kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah syarahan, *halaqah*, dialog dan sebagainya diambil daripada metod penerimaan wahyu oleh Rasulullah s.a.w melalui Malaikat Jibril. Ianya menjadi ikutan oleh para Sahabat, tabiin dan ulama-ulama silam dan telahpun dilaksanakan di institusi pengajian pondok di Tanah Melayu. Institusi tersebut telah melahirkan tokoh-tokoh ulama yang telah memberi sumbangan besar dalam bidang pengajian hukum Islam sekitar abad ke 19 dan 20 Masihi.

3. Pengaruh Islam bukan sahaja terdapat dalam sistem pendidikan bahkan ianya dapat dilihat dalam sistem perundangan khususnya di zaman kerajaan Melayu Melaka. Kerajaan Melayu Melaka telah menggubal dan melaksanakan satu undang-undang yang berasaskan undang-undang Islam. Kemudian ianya diikuti oleh negeri-negeri Melayu yang lain seperti Pahang (Undang-Undang Pahang), Kedah (Undang-Undang Kedah), Perak (Undang-Undang Perak) dan Johor (Undang-Undang Johor). Secara tidak langsung perlaksanaan undang-undang berasaskan undang-undang Islam menunjukkan bahawa pengajian hukum di kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu bukan sahaja berlaku dalam bentuk teori sahaja bahkan dalam bentuk praktikal. Sesungguhnya konsep pembelajaran mengenai hukum-hukum Islam telahpun berlaku sejak zaman kerajaan Melayu awal. Penglibatan raja-raja dalam aktiviti pengajian hukum serta memuliakan dan melindungi para ulama menjadi pendorong dan perancang yang berkesan bagi membangkitkan minat rakyat terhadap kepentingan hukum Islam.
4. Sesungguhnya semangat tolong-menolong dan kerjasama merupakan amalan tradisi masyarakat Melayu turun temurun khususnya di desa. Semangat tersebut telah membentuk perpaduan masyarakat yang berasaskan iman yang sempurna, semangat *ukhuwwah* yang kuat dan penerimaan Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan. Asas tersebut telahpun dibina terlebih dahulu dalam institusi keluarga. Pembentukan institusi keluarga menurut panduan Islam akan melahirkan sebuah masyarakat yang amanah dan bertanggungjawab.